



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2002

**KELAYAKAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)
MENGIKUT SISTEM TERBUKA
BAGI MAKSUD PELANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah penarafan kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengikut sistem terbuka berbanding dengan kelulusan Sijil Penuh SPM bagi maksud pelantikan ke perkhidmatan awam.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah melaksanakan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengikut sistem terbuka mulai tahun 1999. Di bawah sistem ini seseorang calon layak mendapat Sijil SPM dengan syarat sekurang-kurangnya lulus mata pelajaran Bahasa Melayu.

3. Dalam semua skim perkhidmatan yang mensyaratkan syarat lantikan pada peringkat kelulusan SPM, dinyatakan bahawa calon mestilah "lulus" SPM bagi membolehkan dilantik ke sesuatu perkhidmatan. Sijil SPM mengikut sistem terbuka tidak dapat menunjukkan dengan mudah sama ada seseorang calon sebenarnya telah mencapai tahap "lulus" sebagaimana yang dimaksudkan dalam peperiksaan Sijil Penuh SPM mengikut sistem terdahulu. Keadaan ini boleh menimbulkan kesulitan kepada Pihak Berkuasa Melantik apabila melaksanakan

urusan pelantikan calon-calon yang terlibat ke sesuatu skim perkhidmatan.

KAEDAH PELAPORAN PENCAPAIAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SPM MENGIKUT SISTEM TERBUKA

4. Semua calon yang mengambil peperiksaan SPM mengikut sistem terbuka akan menerima Keterangan Pencapaian Keputusan masing-masing. Takrifan peringkat atau simbol pada keputusan peperiksaan setiap mata pelajaran akan dikeluarkan seperti berikut:

Keterangan Pencapaian Keputusan

Peringkat /Simbol Keputusan Mata Pelajaran	Takrifan
1A 2A	Cemerlang
3B 4B 5C 6C	Kepujian
7D 8E	Lulus
9G	Gagal

KELAYAKAN SPM MENGIKUT SISTEM TERBUKA UNTUK LANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM

5. Calon-calon yang menduduki dan memiliki Sijil SPM mengikut sistem terbuka boleh dilantik ke skim-skim perkhidmatan yang mensyaratkan kelayakan demikian sebagai syarat lantikan. Bagi menentukan tahap kelulusan tersebut setaraf dengan kelulusan Sijil Penuh SPM, iaitu sijil yang dikeluarkan sebelum pelaksanaan peperiksaan mengikut sistem terbuka, syarat-syarat berikut perlu dipenuhi:

- (a) lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; atau
- (b) lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan

dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut - turut; dan

- (c) memenuhi syarat Bahasa Melayu, sama ada Kepujian atau Lulus, dan subjek-subjek tertentu sepertimana disyaratkan dalam skim pekhidmatan.

6. Calon-calon yang tidak memiliki keputusan seperti di atas adalah tidak layak dipertimbang untuk maksud lantikan ke jawatan-jawatan yang mensyaratkan kelulusan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

TINDAKAN PIHAK BERKUASA MELANTIK

7. Pihak Berkuasa Melantik hendaklah memasukkan kelayakan SPM seperti yang disebut di perenggan 5(a), (b) dan (c) di atas dalam setiap iklan jawatan yang mensyaratkan kelulusan berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan sebagai kelayakan masuk tambahan.

8. Walau apapun peruntukan yang tersebut di atas, kelulusan Sijil Penuh SPM atau kelayakan-kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan masih lagi diiktiraf bagi maksud pelantikan ke jawatan-jawatan Kumpulan Sokongan dalam perkhidmatan awam.

TARIKH KUAT KUASA

9. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PENUTUP

10. Pihak Berkuasa Melantik juga adalah dinasihatkan untuk menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(DATO' SERI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

Tarikh: 28 Januari 2002

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Polis DiRaja Malaysia
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan